

Pemandu Malaysia masih kurang sivik

KESEDARAN orang ramai terhadap penggunaan lorong kecemasan di lebuh raya nampaknya masih rendah. Bukan sekali dua kejadian kemalangan dilaporkan berlaku di laluan kecemasan, namun sehingga

hari ini tahap kesedaran tersebut nampaknya masih lagi tidak berubah.

Senario pengguna kenderaan menggunakan laluan kecemasan lebuh raya dapat kita lihat setiap kali terperangkap dalam kesesakan lalu lintas pada waktu puncak ketika berulang-alik ke tempat kerja, pada musim cuti sekolah atau ketika musim perayaan.

Ketika itu, kita dapat melihat belang sebenar pemandu di lebuh raya yang tanpa segan silu menggunakan laluan kecemasan sewenang-wenangnya.

Persoalannya, mengapakah senario itu masih berlaku walaupun sudah banyak kejadian kemalangan dilaporkan media berlaku di laluan kecemasan?

Antaranya ialah kemalangan di Kilometer (KM) 258.8 Lebuh raya Pantai Timur 2, dekat Kemaman pada 14 Oktober 2015 yang meragut nyawa enam sekeluarga selepas kenderaan yang dinaiki mereka terperosok di bawah sebuah treler yang berhenti di lorong kecemasan.

Satu kejadian lain pada 17 Oktober 2015 pula melaporkan seorang anggota Tentera Udara Diraja Malaysia maut selepas melanggar belakang sebuah lori yang berhenti di lorong kecemasan di KM66.3 Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS), dekat Pendang.

Terbaharu, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan mengeluarkan 91 notis mengikut Seksyen 114 Akta Pengangkutan Jalan 1987 kepada pemilik kenderaan yang didapati menggunakan lorong kecemasan di KM228 PLUS di Melaka pada 29 Mei lalu sehingga menghalang laluan ambulans.

Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Psikologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Rozmi Ismail berkata, faktor utama yang mendorong seseorang bertindak sedemikian adalah faktor budaya kesedaran sivik berkaitan *safety ethics* terutama apa yang patut dan tidak patut dilakukan ke-



tika berada di tempat awam.

“Ya, memang betul tekanan memang mempengaruhi tindakan seseorang tetapi adakah orang Malaysia sahaja yang mudah tertekan? Adakah orang Jepun tidak tertekan? Adakah orang Eropah tidak tertekan?”

Rozmi menambah, rata-rata masyarakat kita masih tidak tahu menggunakan tempat awam seperti tandas, tempat rekreasi dan sebagainya.

Malah apa yang lebih malang apabila ada yang tidak tahu menggunakan jalan raya dan lebuh raya dengan betul.

“Kesannya mengakibatkan kemalangan dan kematian yang meningkat saban tahun. Kurangnya kesedaran menghormati peraturan telah merebak kepada sebilangan besar pengguna jalan raya sehingga menjadi budaya yang tidak dianggap salah,” katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Menurut Rozmi, alasan seperti tekanan mampu mengubah personaliti dan tindakan seseorang sehingga menyebabkan mereka dengan mudah mengambil jalan pintas dan melanggar undang-undang merupakan satu yang klise.

“Ya, memang betul tekanan memang mempengaruhi tindakan seseorang tetapi adakah orang Malaysia sahaja yang mudah tertekan? Adakah orang Jepun tidak tertekan? Adakah orang Eropah tidak tertekan? Mereka walaupun tertekan dan tergesa-gesa, tidak

menggunakan laluan kecemasan kecuali betul-betul dalam kecemasan,” ujarnya.

Sehubungan itu, ujar beliau, pemandu di Malaysia hanya perlu belajar bersabar, belajar menunggu giliran dan mematuhi peraturan.

Tidak keterlaluan tambah beliau subjek sivik perlu diajar kepada orang dewasa dan bukan hanya pada kanak-kanak semata-mata.

“Sistem penguatkuasaan perlu bersifat mendidik sambil menghukum.”

“Contohnya pihak berkuasa terus dapat mengesan dan menyaman orang menggunakan laluan kecemasan dari udara jadi kepada pengguna yang lain akan rasa takut dan gerun apabila melihat orang lain didenda,” katanya lagi.

Sementara itu, Pensyarah di Jabatan Siyasah Syar’iyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Prof. Madya Sharifah Hayaati Syed Ismail Al-Qudsy memberitahu, punca seseorang boleh berubah karakter menjadi seorang yang gopoh di lebuh raya adalah disebabkan oleh sifat dirinya sendiri yang terbentuk atas tiga faktor.

Pertama ujar beliau, adalah pendidikan dari awal zaman kanak-kanak yang tidak memberikan penekanan kepada nilai-nilai baik dan kedua adalah keadaan persekitaran yang mendorong perlakuan sedemikian manakala ketiga, adalah faktor agama.

“Islam adalah agama yang menjadikan nilai baik (akhlak dan adab) sebagai sendinya selain akidah dan syariat. Justeru tenang, berhati-hati, cermat, santun adalah akhlak Islam dan lawannya adalah gopoh, cuai, kelam-kabut,” katanya.